

Hakisan tanah semakin kritikal

Penduduk bimbang tanah mendap, rumah runtuh hanyut ke sungai

HULU BERNAM-Penduduk Kampung Hassan bimbang selepas berlaku hakisan tanah yang sudah berlarutan hingga tiga tahun tanpa sebarang usaha dari pihak bertanggungjawab untuk membaik pulih keadaan.

Penduduk, Chan Saw Cheng berkata, keadaan rumahnya yang terlalu hampir dengan sungai kecil itu bertambah buruk selepas hakisan tanah menjadi semakin teruk.

"Saya paling risau kerana hakisan tanah ni dulu tidaklah seteruk mana tetapi selepas tiga tahun, ia jadi makin teruk.

"Boleh lihat dengan jelas tanah mendap dan pokok di belakang rumah saya pun dah jatuh hingga hampir masuk dalam sungai kecil ini," katanya.

Dia turut melahirkan rasa bimbang jika hakisan tanah itu menjadi semakin teruk

“ Saya paling risau kerana hakisan tanah ni dulu tidaklah seteruk mana tetapi selepas tiga tahun, ia jadi makin teruk. Boleh lihat dengan jelas tanah mendap dan pokok di belakang rumah saya pun dah jatuh hingga hampir masuk dalam sungai kecil ini.”

- Chan Saw Cheng

hingga mengakibatkan tanah runtuh.

"Paling risau jika hari hujan kerana kita tahu tanah akan jadi lembut dan bila-bila masa saja tebing di belakang rumah saya ni boleh runtuh," katanya.

Dia turut berharap agar pi-



Chan (kiri) dan Chew menunjukkan hakisan tanah yang semakin kritikal di Kampung Hassan, Hulu Bernam.

hak bertanggungjawab segera menyelesaikan perkara itu secepat mungkin.

Pengerusi Jawatankuasa

Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Chew Cheong Soon berkata pihaknya sudah pun membawa perkara itu

kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Hulu Selangor untuk tindakan lanjut.

"Mereka sudah pun sah-

kan akan menambak tanah dan selesaikan masalah cerun itu pada hujung bulan ini atau pada awal bulan September.

"Tapi kalau boleh saya mahu perkara ini diselesaikan secepat mungkin kerana ia melibatkan keselamatan penduduk," katanya.

Dalam pada itu, Penguasa JPS Daerah, Halim Masri berkata, pihaknya sudah pun menerima aduan itu daripada penduduk.

"Kita boleh selesaikan masalah itu tetapi penduduk mesti terima risiko yang sebarang kerosakan rumah, penduduk sendiri yang perlu bertanggungjawab.

"Ini kerana penduduk sepatutnya membina rumah lebih jauh dari kawasan sungai itu tetapi bila pegawai kita pantau, keadaan rumah itu sudah pun memasuki kawasan sungai JPS," katanya.